

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

PLG 517 - PENGAJIAN KURIKULUM

Masa : [2 jam]

Jawab 3 (Tiga) soalan sahaja sama ada Bahagian A atau Bahagian B. Setiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Cadangkan satu rekabentuk kurikulum yang anda rasa dapat memenuhi keperluan negara dalam usaha untuk mencapai taraf negara maju. Jawapan anda harus merujuk kepada persoalan asas mengenai kurikulum sebagaimana yang dicadangkan oleh Tyler (1949).

2. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pendidikan yang terpusat, bincangkan isu-isu kurikulum yang sering mendapat kritikan dari guru-guru dan pengamal-pengamal pendidikan.

3. Kurikulum kebangsaan menekankan kesepadan ilmu, kemahiran dan nilai. Dengan memberikan contoh-contoh yang spesifik dan dengan merujuk kepada organisasi dan hasrat kurikulum, bincangkan paradoks-paradoks yang wujud pada kurikulum kebangsaan kita.

4. Huraikan faktor-faktor utama yang harus diambil kira dalam proses perancangan kurikulum?
Bincangkan sejauh mana perancangan kurikulum kebangsaan kita mengambil kira aspek-aspek yang telah anda nyatakan.

5. Golongan pendidik radikal mahukan kurikulum yang dapat melahirkan insan yang integratif, kreatif dan kritis atau insan yang *conscientize*. Bagi golongan ini *pendidikan bertujuan untuk membebaskan insan dan bukan untuk menjinakkannya* (*Freire*, 1970). Bincangkan pernyataan ini dalam konteks Teori Pembelajaran Sosial Paulo Freire.

BAHAGIAN B

1. Cadangkan satu program kurikulum yang anda rasa dapat menjamin perkembangan murid-murid untuk berfungsi dengan berkesan di dalam sebuah negara bertaraf maju. Perbincangan anda perlu merujuk kepada persoalan asas kurikulum yang dikemukakan oleh Daud-Hamzah (1993)
2. *"Kurikulum di Malaysia mengalami banyak perubahan dan perubahan ini berlaku secara reformasi dan evolusi"*

Berdasarkan petikan ini cuba anda bincangkan kesan perubahan kurikulum KBSM terhadap 'kurikulum tersembunyi' yang dialami oleh guru-guru kini. Perbincangan anda haruslah ditumpukan kepada jenis, faktor dan strategi perubahan kurikulum yang berlaku di sekolah sekarang.

3. *"Kementerian Pendidikan telah banyak merekabentuk kurikulum baru agar sejajar dengan kehendak yang terkandung di dalam wawasan negara (2020)".*

Berdasarkan pernyataan di atas cuba anda bincangkan kesan pembinaan kurikulum sekolah kini terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak dan cuba kaitkan perbincangan anda dengan mengambilkira Falsafah Pendidikan Negara sebagai dasar pembinaan kurikulum.

4. Anda telah dilantik menjadi Ketua Panitia Mata Pelajaran. Untuk memastikan mata pelajaran tersebut diajar dengan berkesan dan berjaya bagi mencapai tujuannya anda dikehendaki merancang perkembangan kurikulum mata pelajaran berkenaan. Kemukakan secara detail langkah-langkah yang akan anda lakukan bagi memenuhi tujuan yang hendak dicapai melalui kurikulum tersebut.
- 5 Huraikan mana-mana dua teori kurikulum dan tunjukkan ciri-ciri yang membezakan di antara kedua-duanya. Pilih salah satu dari teori kurikulum yang anda nyatakan dan kemukakan pendirian anda terhadap teori tersebut. Anda dikehendaki menghuraikan pendirian anda itu dengan mengaitkan contoh-contoh yang terdapat di sekolah.

ooooooo